

KAEDAH SEMAKAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN)



<p>Layari laman sesawang MyTax https://mytax.hasil.gov.my/</p>	<p>Klik pada menu e-Daftar dan semakan pendaftaran TIN akan dipaparkan.</p>	<p>Pilih Jenis Pembayar Cukai, seterusnya kunci masuk maklumat (nombor pengenalan, e-mel, nombor telefon & frasa keselamatan) dan seterusnya klik butang "Cari".</p>	<p>Nombor TIN dan Lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail cukai akan dipaparkan. *</p>
--	---	--	---

* Dengan syarat maklumat yang dikunci masuk iaitu alamat e-mel dan nombor telefon atau nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan pangkalan data HASIL adalah sepadan

Sekiranya maklumat e-mel dan nombor telefon atau nombor telefon bimbit tidak sepadan, sistem hanya memaparkan status pendaftaran TIN.

Bagi mengetahui TIN dan LHDNM Negeri yang mengendalikan fail cukai, pembayar cukai boleh mengemaskini e-mel dan nombor telefon atau nombor telefon bimbit melalui Borang Maklum Balas Pelanggan yang boleh diakses di www.hasil.gov.my > Hubungi Kami > Maklum Balas > Maklum Balas Pelanggan > Permohonan > Kemas Kini Butiran Pembayar Cukai.

Permohonan akan diproses dan semakan Nombor TIN melalui e-Daftar boleh dilakukan setelah maklumat terkini pembayar cukai diaktifkan.



Semakan juga boleh dilakukan dengan Team Hasil Care Line melalui panggilan telefon

Hubungi HASIL Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara)

2

3

Pembayar cukai boleh hadir ke mana-mana Kaunter Perkhidmatan di Pejabat HASIL yang berhampiran

